

KANDUNGAN

NO	DESKRIPSI	MUKA SURAT
1	MAKLUMAT DUAI	
	Pendaftaran DUAI	2
	Carta Organisasi	3
	Senarai Tenaga Pengajar	4, 5
	Sejarah Penubuhan	6, 7
	Hala Tuju Pelajar	8
	Falsafah, Visi, Misi dan Motto	9
2	JADUAL HARIAN	
	Jadual Harian	12
	Menu Makan	13
3	SYARAT DAN PERATURAN	
	Checklist Keperluan	14
	Barang Larangan	15
	Disiplin (Kesalahan dan Hukuman)	16
	Larangan-larangan lain	17
	Penamatan Pembelajaran	18
	Bayaran Yuran	19
	Kecemasan dan Kemalangan	20
4	TATATERTIB	
	Takwim	20
	Subjek Pengajian Kitab	21, 22, 23
	Peraturan Ibu Bapa/Penjaga Pelajar	24
	Pengakuan Ibu Bapa/Penjaga Pelajar	25, 26
	Talian Untuk Dihubungi	26
	Surat Persetujuan IbuBapa	27

Alhamdulillah, syukur di rafak kepada Allah Subhanahu Wa Taala di atas limpahan kenikmatan dan kurniaan Nya.

Pondok Darul Ulum Al-Arabiyyah Al-Islamiyyah (DUAI) adalah sebuah pondok pengajian alim/kitab dan pengajian tahfiz yang telah di daftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), kami juga mempunyai 2 cawangan iaitu Darul Ulum Al Islamiyyah dan Darul Ulum Al Islamiyyah Lil Banat.

 **PONDOK DARUL ULUM AL ARABIYYAH AL ISLAMIYYAH (lelaki)**

No Pendaftaran Jaim : JAIM/SAS(M)040
No Pendafraran Jakim : MZA2013
Tempat pengajian : Pulau Gadong, Melaka.

 **DARUL ULUM AL ISLAMIYYAH (lelaki)**


No Pendaftaran Jaim : JAIM/SAS(M)010
No Pendafraran Jakim : MZH2002
Tempat pengajian : Balai Panjang, Melaka.

 **DARUL ULUM AL ISLAMIYYAH LIL BANAT (perempuan)**

No Pendaftaran Jaim : JAIM/SAS(M)041
No Pendafraran Jakim : MZH2007
Tempat pengajian : Bukit Katil, Melaka

1- MAKLUMAT DUAI

1.1 CARTA ORGANISASI



**SENARAI TENAGA PENGAJAR PONDOK DARUL ULUM AL ARABIYYAH
AL-ISLAMIYYAH**

NO	NAMA GURU	JAWATAN	KELULUSAN	MZHB	TAULIAH	SUBJEK YANG DIAJAR
1	Ustaz Muhammad Khairul Budi	Pengetua	Dauratul Hadith, Darul Ulum Cape Town, Afrika Selatan	Syafi'e	Tauliah MAIM 2017-2019	Sirah, Feqah, Usul Fiqh, Tafsir, Ulumul Quran, Ulumul Hadith
2	Ustaz Salleh bin Ibrahim	Timbalan Pengetua	Dauratul Hadith, MUSP KL, Hudaidah Yaman	Syafi'e	Tauliah MAIM 2018-2020	Nahu, Feqah Aqidah Usul Fiqh, Balaghah, Tajwid,
3	Ustaz Tengku Mohd Zakariya	Ketua Lajnah HEM	Aliyyah Alimiyyah Madrasah Alyamani, Kg baru	Syafi'e	Tauliah MAIM	Sorof, Feqah Hadith, Sirah, Terjemah Alqur'an
4	Ustaz Muhammad Faruq	Ketua Lajnah KoKU	Dauratul Hadith Al-fatah Temboro, Indonesia	Syafi'e	Tauliah JAIM Bhg Dakwah	Tahfiz Al Qur'an, Feqah Aqidah, Adab dan Tajwid
5	Ustaz Muhammad Salman Al Farisi	Ketua Lajnah Akademik	Dauratul Hadith Al-fatah Temboro, Indonesia	Syafi'e	Tauliah JAIM Bhg Dakwah	Tahfiz Al Qur'an, Feqah, Aqidah, Adab dan Tajwid
6	Ustaz Mohamed bin Ibrahim	JK Kebersihan dan Keceriaan	Aliyyah Alimiyyah Miftahul Ulum, Sri Petaling	Syafi'e	Tauliah MAIM	Nahu, Sorof, Feqah, Hadith, Adab, Terjemah Alqur'an
7	Ustaz Mohd Redha	JK Bimbingan & Kaunseling	Dauratul Hadith Al-fatah Temboro, Indonesia	Syafi'e	Tauliah JAIM Bhg Dakwah	Feqah Syafi'e, Hadith, Sirah, Adab, Akhlaq
8	Ustaz Muhammad Haris	JK Disiplin	Dauratul Hadith Al-fatah Temboro, Indonesia	Syafi'e	Tauliah JAIM Bhg Dakwah	Tahfiz Al Qur'an, Feqah, Aqidah, Adab dan Tajwid

NO	NAMA GURU	JAWATAN	KELULUSAN	MZHB	TAULIAH	SUBJEK YANG DIAJAR
9	Ustaz Muhammad Nashrulloh	JK Pengurusan Pentadbiran	Dauratul Hadith Al-fatah Temboro, Indonesia	Syafi'e	Tauliah JAIM Bhg Dakwah	Tahfiz Al Qur'an, Feqah, Aqidah, Adab dan Tajwid
10	Ustaz Mughirah	JK Sukan	Dauratul Hadith Kubang Bujuk, Terengganu	Syafi'e	Tauliah MAIM	Feqah, Hadith, Sirah Aqidah, Adab
11	Ustaz Abu Dzar	JK Integriti & Kecemerlangan	Dauratul Hadith, Darul Ulum Cape Town, Afrika Selatan	Syafi'e	Tauliah Jaim Bhg Dakwah	Tahfiz Al Qur'an, Feqah, Aqidah, Adab dan Tajwid
12	Ustaz Huzaifah	JK Hirasah & Keselamatan	Dauratul Hadith Al-fatah Temboro, Indonesia	Syafi'e	Tauliah Jaim Bhg Dakwah	Tahfiz Al Qur'an, Feqah, Aqidah, Adab dan Tajwid
13	Ustaz Ismail Ibrahim	JK Rawatan & Kesihatan	Dauratul Hadith, Azadville Afrika Selatan	Syafi'e	Tauliah MAIM	Tafsir Al quran, Feqah, Aqidah, Adab dan Tajwid

1.2 SEJARAH PENUBUHAN

Alhamdulillah, syukur di rafak kepada Allah Subhanahu Wa Taala di atas limpahan kenikmatan dan kurniaan Nya sepanjang proses pembinaan Darul Ulum sejak dari awal lagi.

Pondok Darul Ulum Al-Arabiyyah Al-Islamiyyah (DUAI) adalah sebuah institusi pengajian tahfiz dan Islam yang telah di daftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Matlamat utamanya adalah untuk memartabatkan Al-Quran agar terbentuknya satu ummah yang cinta terhadap Allah dan Rasulullah ﷺ dan mengamalkannya dalam aspek kehidupan dunia demi mencapai kebahagiaan akhirat.

Sabda Rasulullah ﷺ :

Aku tinggalkan kepada ummatku 2 perkara iaitu Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnahku (Hadith). Sesiapa yang berpegang (membaca, memahami, menghayati dan beramal) kepada keduanya, mereka akan bahagia dan tidak akan sesat sepanjang hidup di dunia. [Imam Malik]

RENTETAN SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

- 2007 - Darul Ulum Al Islamiyyah mula beroperasi dengan menerima kemasukan para pelajar perempuan dahulu. Nama awal DUAJ adalah Madrasah Darul Quran Lilbanat
- 2010 - Perkembangan Madrasah berjalan baik dengan penambahan dari segi kemasukan pelajar perempuan dan telah bertukar nama ke Darul Turath Al Islamiyyah.
- 2011 - Maahad untuk pelajar lelaki mula di tubuhkan dengan mula mengambil kemasukan pelajar lelaki seramai 2 orang pada awal penubuhannya. Nama Darul Turath Al Islamiyyah telah di tukar kepada Darul Ulum Al Islamiyyah atau dikenali juga sebagai DUAJ. Maahad untuk pelajar lelaki mula beroperasi di Masjid Lama Bukit Bayan, Bukit Katil, Melaka.
- 2012 - DUAJ lelaki berpindah ke kompleks baru di Balai Panjang. Pelajar lelaki pertama DUAJ telah berjaya khatam hafazan 30juzuk Al Quran.

- 2013 - DUAI lelaki telah membuka cawangan baru di Tengker. Program cuti sekolah Duai yang di beri nama Kem Smart Huffaz telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari Ibu Bapa.
- 2014 - DUAI lelaki telah memulakan pengajian Alim/Kitab. Silibus pengajian kitab di ambil dengan menggabungkan silibus dari pusat-pusat pengajian terbaik di Malaysia, Indonesia dan Afrika Selatan.
- 2015 - DUAI telah berkembang maju dengan pertambahan pelajar dan tenaga pengajar yang berdedikasi.
- 2016 - DUAI lelaki telah mmemindahkan pusat pentadbiran di Pulau Gadong. Alhamdulillah penambahan dan perkembangan pembelajaran secara keseluruhan pelajar DUAI yang amat memberangsangkan.
- 2018 - Jumlah keseluruhan pelajar DUAI hampir 260 pelajar lelaki dan perempuan.
- Alhamdulillah DUAI Pulau Gadong pesat membangun dengan pembangunan blok 2 tingkat dan masjid seterusnya didalam pembinaan.
- 2019 - Pelajar yang telah menamatkan hafazan 30 Juzuk Al Quran di Duai berjumlah 72 orang pelajar setakat Disember 2019.
- Fasa pertama dan kedua pembangunan Duai telah selesai dan menelan perbelanjaan hampir RM 2.5 juta
- Fasa seterusnya adalah pembangunan Masjid Duai dan pembinaan telah mula di jalankan.

1.3 HALA TUJU PELAJAR DARUL ULUM

1.4 FALSAFAH, VISI, MISI DAN MOTO





Falsafah

Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif melalui usaha yang terancang, terkawal dan berterusan berasaskan panduan ilmu, iman dan amal soleh serta budaya Islam, ke arah melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan, cemerlang, berakhlak mulia, bertakwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberi sumbangan yang bermanfaat kepada agama, diri, ummah, dan negara.

Visi

Peneraju kesinambungan warisan ulama' dan umara' dalam mendalami khazanah Al Quran, ilmu hadith dan ilmu Turath.

Misi DUAI

-  Melahirkan generasi Al-Quran yang bertaqwa dan berperibadi mulia.
-  Melahirkan hamalatul Quran (penghafaz Al-Quran), yang dapat membaca, menghafal, dan mengamalkan kandungan Al-Quran.
-  Membentuk pelajar yang mampu menjalani kehidupan seharian bertunjangkan Al-Quran dan As-Sunnah.
-  Membina generasi insan yang soleh, cemerlang dan berilmu tinggi serta menjadi panduan ummah.

Moto

TA'LIM, DAKWAH, TAZKIYYAH, TARBIYYAH, HIKMAH

HALA TUJU PELAJAR : PENGAJIAN TAHFIZ


Pelajar berhak memilih haluan mereka selepas graduasi dengan menggunakan kecenderungan masing-masing

Peneraju kesinambungan warisan ulama' dan umara' dalam mendalami khazanah Al-Quran, Ilmu hadis dan syariah islamiyyah



Aliran Pondok & Deobandi

PENGAJIAN ALIM / KITAB



Aliran Pondok & Deobandi

2 -JADUAL HARIAN

4.45am	: Bangun tidur / bersiap
5.00am	: Qiyamullail (Praktikal tahfiz dan solat tahajud / witr)
6.00am	: Solat Subuh berjemaah / amalan ayatul hirzi.
6.15am	: Kelas : Tasmi' hafalan baru
7.30am	: Rehat / Kebersihan dorm
7.45am	: Sarapan pagi
8.30am	: Kelas : tasmi' hafazan
11.30am	: Istirehat , semua pelajar di wajibkan tidur.
12.45pm	: Persiapan / Kebersihan dorm
1.15pm	: Makan tengahari
2.00pm	: Solat zuhur
2.30pm	: Kelas : Tasmik hafalan lama
4.30pm	: Solat Asar / Asmaul Husna / bacaan kitab hadith dan muzakarah dakwah
5.00pm	: Riadah / sukan
6.15pm	: Mandi
6.45pm	: Kebersihan dorm
7:00pm	: Persiapan maghrib (berada di dalam saf)
7.15pm	: Solat maghrib berjemaah / amalan ayatul hirzi
7.30pm	: Kelas : hafalan sabaq
8.50pm	: Makan malam
9.20pm	: Solat isyak berjemaah
9.45pm	: Bacaan kitab tarbiyyah / hadith + muzakarah adab
10.20pm	: Persiapan tidur
10.30pm	: Tutup lampu asrama

3 – MENU MAKAN DARUL ULUM

HARI & WAKTU	SARAPAN PAGI 7.45-8.15 am	MAKAN TENGAHARI 1.15-1.45 pm	MAKAN MALAM 8.50-9.20 pm
ISNIN	Bihun Goreng	1) Kari Ikan 2) Sayur Campur	1) Ikan Goreng & Sambal Goreng 2) Sup Sayur Kobis
SELASA	Mee Goreng	1) Ayam Masak Merah 2) Sayur Campur	1) Kari Ikan 2) Sayur Campur
RABU	Nasi Lemak	1) Ikan Goreng Kicap 2) Sayur Campur	1) Ikan Goreng & Sambal Goreng 2) Sayur Campur
KHAMIS	Mee Goreng	1) Ikan Goreng & Sambal Goreng 2) Sup Sayur	1) Asam Pedas Ikan 2) Sayur Campur
JUMAAT	Bihun Goreng	1) Ayam Masak Merah 2) Sayur Campur	1) Kari Ikan 2) Sayur Kobis dan Bendi
SABTU	Mee Goreng	1) Asam Pedas Ikan 2) Sayur Campur	1) Kari Ikan 2) Sayur Campur
AHAD	Nasi Goreng	1) Ikan Goreng & Sambal Goreng 2) Sup Sayur Kobis	1) Telur Dadar dan Sambal 2) Sup Sayur

4 -CHECKLIST KEPERLUAN

NO	KEPERLUAN	JUMLAH
1.	Jubah Putih + (Jubah warna 1)	4 helai
2.	Kopiah Putih + (Kopiah warna 2)	5 helai
3.	Serban Putih	3 helai
4.	Tshirt plain (hanya putih/hitam/kelabu sahaja di benarkan)	6 helai
6.	Kain pelikat	3 helai
7.	Seluar panjang/ 3suku (untuk pakai di dalam jubah dan bersukan)	5 helai
8.	Tuala Mandi	Sehelai
9.	Pilihan : (kain selempang + sweater) sehelai tiap satu	2 helai
Jumlah keseluruhan pakaian yang di benarkan di bawa		30 helai sahaja
<u>KELENGKAPAN DIRI</u>		
1.	Bantal shj (bantal peluk tak dibenarkan) & selimut jika perlu	1 set
2.	Gayung,peralatan mandi,penyangkut baju,kelengkapan diri etc	1 set
3.	Rehal mengaji,peralatan menulis (pen,pensel etc), buku kosong	1 set
4.	Salinan Photostat ic atau surat beranak	1 copy
5.	Gambar berukuran passport	4 keping

- Pihak Duai menitikberatkan kepada pelajar supaya ada rasa tanggungjawab dan pengurusan diri yang baik.
- Segala barang keperluan , pakaian, peralatan mandi, kitab dan lain-lain adalah tanggungjawab pelajar untuk menjaga dengan baik.
- Jika berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan maka bukan di atas tanggungjawab madrasah untuk bergantirugi sama ada kehilangan atau kerosakan berlaku sewaktu program madrasah ataupun ketika cuti.
- Pelajar di galakkan untuk membawa balik semua barang sewaktu cuti rasmi Duai, cuti sakit ataupun ketika pelajar tersebut tidak berada di Duai.
- Pelajar diwajibkan untuk meletak No Id dan nama pada setiap helai pakaian, contoh " Ahmad 0155 ". No id pelajar boleh di dapatkan di Pejabat Duai. Sebaik-baiknya di jahit pada setiap pakaian.

5 -BARANG LARANGAN

1. Seluar jeans, seluar pendek, pakaian bergambar, bertulisan, kemeja
2. Novel, komik, majalah dll
3. Handphone, radio, laptop, peralatan elektronik & alat permainan yang melalaikan.
4. Makanan ringan (MAGGI, keropok, jajan dll) kecuali biskut, roti, kismis dan makanan yang berkhasiat.
5. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan duit sama sekali. Semua duit belanja pelajar harus diserahkan kepada ustaz untuk disimpan.
6. Sebarang peralatan yang dijumpai pada pelajar (iaitu **barang larangan**) akan dirampas. Terpujang sepenuhnya kepada pentadbiran Darul Ulum untuk melakukan apa yang sepatutnya kepada barangan tersebut. Ibu bapa pelajar tiada hak lagi ke atas barangan tersebut.
7. Pihak Darul Ulum akan memaklumkan kepada pelajar dan ibubapa pelajar jika terdapat sebarang pembaharuan ke atas barang larangan.

6 -DISIPLIN

KESALAHAN		HUKUMAN
1.	Hubungan sejenis / bercium etc	Di berhentikan (laporan polis)
2.	Dadah, ganja, gam, air ketum rokok(+elektronik),shisha & yg sewaktu dgnnya	Di berhentikan (laporan polis)
		Di berhentikan
3.	Keluar malam & keluar kawasan tanpa izin	Rotan & ditahan selepas asar 1 bulan
4.	Lari madrasah	Di berhentikan
5.	Buli	Rotan & ditahan selepas asar 1 bulan
6.	Mencuri	Di berhentikan (laporan polis)
7.	Bergaduh : a) kecederaan parah b) kecederaan ringan	Di berhentikan (laporan polis)
		1) tahan kelas selepas asar 2) khidmat 1 bulan
8.	Abg angkat & adik angkat	kesalahan pertama : gantung 1 bulan kesalahan kedua : di berhentikan
9.	Lawan ustaz	Gantung madrasah
10.	Vandalisma (merosakkan harta benda DUAL) cth: almari ,tilam, katil, cctv, etc	1) tahan kelas selepas asar sebulan 2) wajib bayar gantirugi penuh kerosakan
11.	Membawa barang larangan cth : Hp, radio,duit, laptop,majalah,maggi,tshirt bergambar/bertltn	1) dirampas & tidak akan di pulangkan 2) tahan kelas selepas asar + khidmat
12.	Menerima makanan dr org luar (+jumaat)	Tahan kelas selepas asar sebulan
13.	Meminjam telefon dari orang luar & menumpang kenderaan	Tahan kelas selepas asar sebulan

*NOTA : Pihak Darul Ulum mempunyai hak sepenuhnya untuk **menggantung** / **memberhentikan** pelajar yang di dapati tidak layak secara akademik dan akhlak daripada menyambung pelajarannya di Darul Ulum.*

6.1 LARANGAN-LARANGAN LAIN

6.2.1 Katregori 1 – Yang Ditegah Sama Sekali Dan Tidak Boleh Dilakukan:

- i. Melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan ekstremis.
- ii. Perhubungan dengan bukan muhrim.
- iii. Mengadakan hubungan dengan sesama jenis.
- iv. Masuk bilik ustaz / pejabat tanpa izin.
- v. Membuat apa-apa kenyataan atau posting di Facebook/Internet yang boleh merendahkan dan menjatuhkan maruah DUAI.
- vi. Melakukan jenayah.
- vii. Di larang menggunakan kata-kata kasar ,kesat dan lucah.
- viii. Tiada urutan sama sekali sama ada dengan kawan atau ustaz.
- ix. Semua larangan agama adalah yang di larang sama sekali.

Tindakan tatatertib akan di ambil jika salah satu daripada perkara di atas di buat

6.2.2 Katregori 2 – Peringatan untuk dihindari

- i. Menggunakan atau meminjam barangan pelajar seperti pakaian,kasut dan yang sewaktu dengannya tanpa izin.
- ii. Membelikan makanan dari luar untuk pelajar kecuali di beri pengecualian oleh pihak pentadbiran.
- iii. Membuat program atau menambah program (amalan) selain dari apa yang telah di mesyuaratkan.

7 -PENAMATAN PEMBELAJARAN

Pihak pentadbiran DUAI boleh menamatkan perkhidmatan seseorang dengan notis 24jam setelah mengambil kira kesalahan tetataertib yang di lakukan dan setelah mesyuarat para asatizah DUAI di buat.

7.1 HUKUMAN

Pihak pentadbiran DUAI boleh mengenakan salah satu hukuman berikut kepada seseorang pelajar :-

- i. Amaran
- ii. Di berhentikan serta merta

7.2 RAYUAN

Seseorang pelajar yang telah didapati bersalah boleh membuat rayuan kepada pihak pentadbiran DUAI. Keputusan rayuan adalah bergantung kepada bentuk dan tahap kesalahan yang di buat.

7.3 SIJIL & SURAT BERHENTI

- Sijil akan di keluarkan 3 bulan setelah pelajar tersebut tamat secara rasmi.
- Surat berhenti akan di keluarkan dalam masa seminggu selepas pelajar tersebut berhenti dengan tertib.
- Surat berhenti tidak akan di keluarkan untuk pelajar yang di berhentikan dan yang melarikan diri dari Darul Ulum.

7.3 ETIKA PAKAIAN

Pakaian yang ditetapkan semasa waktu kelas / program.

Pelajar :-

- i. Jubah dan kopiah putih yang bersih dan kemas
- ii. Jubah berfesyen bercorak corak adalah di larang
- iii. Baju melayu, songkok dan kurta tidak di benarkan semasa waktu program.

8 -BAYARAN YURAN

1. Kami menggalakkan bayaran yuran bulanan di dalam bentuk online.
2. Bayaran yuran bulanan perlu dibuat sebelum tarikh 10hb setiap bulan.
3. Yuran Pengajian :

Pulau Gadong [Hq] :

Pengajian Tahfiz

- Yuran Pendaftaran : RM 850
- Yuran Bulanan : RM 380

Pengajian Kitab/alim

- Yuran Pendaftaran : RM 850
- Yuran Bulanan : RM 350

Cawangan Balai Panjang :

-
- Yuran Pendaftaran : RM 350
- Yuran Bulanan Pengajian Tahfiz : RM 250

Cawangan Bukit Katil [Perempuan] :

- Yuran Pendaftaran : RM 600
- Yuran Bulanan : RM 250

4. Bayaran yuran adalah wajib ke atas setiap pelajar.
5. Urusan yuran boleh berurusan terus dengan pejabat.
6. Pelajar yang kurang berkemampuan sila berhubung dengan pihak pentadbiran untuk rayuan pengurangan.
7. Yuran bulanan adalah untuk makanan, penginapan & pengajian.
8. Yuran pendaftaran adalah untuk menggunakan fasiliti Darul Ulum.
Fasiliti seperti katil, tilam, almari, peralatan sukan dan lain-lain yang akan digunakan sepanjang pelajar tersebut menuntut di Darul Ulum.
9. Jika pelajar berhenti atau di berhentikan, segala bayaran yuran tidak akan di pulangkan.

9 -KECEMASAN & KEMALANGAN

1. Jika berlaku sebarang kecemasan, pihak ibu bapa akan terus di hubungi dan di beri pilihan, samada untuk di uruskan oleh pihak Darul Ulum atau ahli keluarga menguruskan sendiri.
2. Perbelanjaan perubatan dikira mengikut budi bicara dan perbincangan di antara pihak Darul Ulum dan Ibu bapa.
3. Pihak Darul Ulum akan sentiasa mengamalkan langkah berjaga-jaga supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.
4. Jika pelajar sakit atau demam melebihi 38°C akan di berikan cuti. Juga termasuk cirit-birit, batuk dan selsema yang keterlaluan. Juga sebarang penyakit berjangkit seperti sakit mata, campak, chicken pox dan lain-lain.
5. Mohon ibu bapa untuk mengambil anak-anak dengan segera jika mendapat makluman daripada kami tentang sebarang masalah kesihatan anak-anak. Pihak Darul Ulum tidak akan bertanggungjawab jika penyakit melarat.
6. Pihak Darul Ulum akan memberi yang terbaik sebagai langkah keselamatan pelajar, tetapi TIDAK akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecelakaan mental dan fizikal yang menimpa ke atas pelajar sepanjang berada di dalam atau di luar Darul Ulum

10 -TAKWIM

1. Permohonan cuti di waktu kelas dan program akan di tolak sama sekali kecuali kes kematian atau kemalangan.
2. Permohonan cuti yang di tolak tanpa kompromi :
 - i. Kenduri kahwin sedara mara
 - ii. Tahlil arwah
 - iii. Aqiqah
 - iv. Bertunang
 - v. Ibadah qurban
 - vi. Hantar pergi haji dan umrah
 - vii. Hari keluarga, Urusan keluarga, Masalah keluarga, Perjumpaan keluarga
 - viii. Kenduri kesyukuran
 - ix. Segala macam bentuk kenduri dan acara

11 -SUBJEK PENGAJIAN KITAB DUAI

TAHUN PERALIHAN :

1. Al-Quran : Hadar (10 Juzuk)
2. Al-Quran : Tajwid (Muallimul Tajwid)
3. Adab : Ai Yuhul Walad & Ta'limul Muta'lim)
4. Feqah : Kitab pedoman
5. Hadith : Matan Hadith (Matan Ar-Bai'en)
6. Lughah : Saraf (Miftahul Syarf)
7. Lughah : Nahwu (Nahwu Wadeh 1/ Matan Ajrumiyyah)

TAHUN 1 :

1. Al-Quran : Hafazan (juzuk 1-6) & Hadar (10 Juzuk)
2. Al-Quran : Terjemahan Al-Quran (1-10 Juzuk)
3. Al-Quran : Tajwid (Muallimul Tajwid)
4. Adab : Ai Yuhul Walad & Ta'limul Muta'lim
5. Feqah : Safinatun Naja & Mabadil Feqhiyah 1,2,3
6. Hadith : Matan Ar-Bai'en & Zadut Tolibin
7. Lughah : Al-Insha'
8. Lughah : Saraf (Miftahul Syarf)
9. Lughah : Nahwu (Nahwu Wadeh 1,2½)/ Nahwu (Matan Ajrumiyyah)
10. Sirah : Qisasun Nabiyyin 1,2 & Khulasah Nurul Yaqin 1,2,3

TAHUN 2 :

1. Al-Quran : Hafazan (juzuk 7-12) & Hadar (10 Juzuk)
2. Al-Quran : Tajwid (Matan Jazariah)
3. Al-Quran : Terjemahan (Juzuk 11-20)
4. Adab : Tibyan Hamlatul Quran / Bidayatul Hidayah
5. Feqah : Matan Ghayah wa Taqriib / Mabadil Feqhiyyah 4
6. Hadith : Bulughul Maram)
7. Lughah : Al-Insha'
8. Lughah : Nahwu (Nahwu Wadeh 3 / Miftahul Dhomir)
9. Lughah : Sarf (Kasyiful Dhomir)
10. Sirah : Qisasun Nabiyyin 4,5

TAHUN 3 :

1. Al-Quran : Hafazan (juzuk 13-18) & Hadar (10 Juzuk)
2. Al-Quran : Terjemahan (Juzuk 21-30)
3. Al-Quran : Usul at-Tafsir (Kitab Al-Fauz al-Kabir) Syah Waliyullah
4. Hadith : Riyadus Solihin
5. Feqah : Hadiyyatul Mardiyah
6. Feqah : Muqaddimah Mazhab Imam As Syafie
7. Feqah : Usul Al-Fiqh (Khulasah) Dr Hassan Hitu
8. Sirah : Rahiq Makhtum
9. Balaghah : Husnus Siyaghah & Tashilul Mantiq
10. Aqidah : Aqidah Thohawiyah

TAHUN 4 :

1. Al-Quran : Hafazan (juzuk 19-24)
2. Al-Quran : Usul at-Tafsir (Manahilul Irfan 1j)
3. Al-Quran : Tafsir (Tafsir Ibnu Kathir)
4. Akhlak : Minhajul Abidin
5. Feqah : Feqhul Minhaji
6. Hadith : Riyadhus Solihin
7. Hadith : Mustolah Hadith (Nukhbatul Fikr)
8. Usul Al-Fiqh : Al-Wajiz fi Usul it Tashri' al-Islami
9. Sejarah : Tarikh Islami
10. Feqah : Rahbiyah
11. Aqidah : I'tiqad

TAHUN 5 :

1. Al-Quran : Hafazan (juzuk 25-30)
2. Al-Quran : Tafsir (Tafsir Ibnu Kathir)
3. Al-Quran : Ulumul Quran (Manahil al-'Irfan)
4. Hadith : Hadith Ahkam (Jamik At-Tirmizi bahagian 1)
5. Hadith : Perawi Hadith (Jamik At-Tirmizi bahagian 2)
6. Hadith : Justifikasi Hadith (Ar-Raf' wat-Takmil)

- 7. Hadith : Ulumul Hadith (Manhaj An-Naqd)
- 8. Hadith : Justifikasi Hadith (Sunnah Wa Makanatuha)
- 9. Feqah : Mughni Al Muhtaj
- 10. Sirah : Tarikh Islami
- 11. Akhlak : Ihya' Ulumuddin

TAHUN 6 :

- 1. Al-Quran : Tafsir Ayatul Ahkam
- 2. Al-Quran : Tarikhul Quran
- 3. Hadith : As-Sihah As-Sittah (Abu Daud 1)
- 4. Hadith : As-Sihah As-Sittah (Abu Daud 2)
- 5. Hadith : As-Sihah As-Sittah (Ibnu Majah)
- 6. Hadith : Muwatta Al Imam Malik
- 7. Akhlak : Ihya Ulum Ad Din
- 8. Feqah : Minhaj Ij
- 9. Usul : Aatharul Ikhtilaf

TAHUN 7 :

- 1. Al-Quran : Tafsir Ayatul 'Aqidah
- 2. Hadith : As Sihah As Sittah (Bukhari 1)
- 3. Hadith : As Sihah As Sittah (Bukhari 2)
- 4. Hadith : As Sihah As Sittah (Muslim 1)
- 5. Hadith : As Sihah As Sittah (Muslim 2)
- 6. Hadith : As Sihah As Sittah (Nasai)
- 7. Akhlak : Ihya Ulum Ad Din
- 8. Feqah : Al Asybah Wa An Nazoir
- 9. Feqah : Nihayah Al Muhtaj

12 –PERATURAN IBUBAPA / PENJAGA

- Ibu bapa pelajar hanya di benarkan untuk memasuki kawasan asrama Darul Ulum semasa sesi pendaftaran baharu sahaja.
- Selain dari hari tersebut, kawasan asrama dan kawasan dalam Darul Ulum merupakan kawasan larangan ibu bapa/penjaga di larang masuk.
- Waktu lawatan ibu bapa pelajar adalah isnin sehingga ahad
- Kawasan lawatan terhad di kawasan pondok lawatan ibu bapa sahaja.
 - ❖ Waktu lawatan :
 - Isnin – Sabtu
 - Petang : 5.00 pm – 6.30 pm.
 - Ahad
 - Pagi : 9.00 am – 12.00 pm.
 - Petang : 5.00 pm – 6.30 pm.
 - Gate akan di kunci 6.30 pm.
 - ❖ kawasan madrasah merupakan kawasan larangan merokok.
 - ❖ Ibu bapa pelajar tidak dibenarkan memberikan handphone kepada anak untuk dibawa masuk ke dalam kawasan madrasah.
 - ❖ Diwajibkan menutup aurat.
 - ❖ Sila buang sampah di dalam tong sampah yang telah di sediakan.
 - ❖ Mohon kerjasama ibu bapa untuk mematuhi peraturan lawatan Darul Ulum.
 - ❖ Antara aspek penting kejayaan anak-anak adalah ibu bapa yang beri kerjasama penuh untuk mematuhi peraturan madrasah.
- Ibu bapa yang hendak berurusan dengan pejabat boleh hadir semasa waktu pejabat.

Waktu urusan pejabat :

Isnin – sabtu : 8.30 am – 5.00 pm ~ rehat 1.00 pm – 2.00 pm

Ahad : 8.00 am – 7.00 pm ~ rehat 12.00 pm – 3.00 pm

Khamis : Cuti

- Waktu outing pelajar dibenarkan hanya satu bulan sekali sahaja pada tarikh yang telah di tetapkan pada takwim Darul Ulum(sila rujuk takwim).

Outing hari Sabtu : 12.00 pm – 6.30 pm

Outing hari Ahad : 8.00 am – 6.30 pm

Pelajar diwajibkan berada di madrasah sebelum pukul 6.30 pm

13– PENGAKUAN IBUBAPA / PENJAGA

- Saya memahami undang-undang dan peraturan Pondok Darul Ulum Al Arabiyyah Al Islamiyyah dan segala isi kandungan Buku Panduan Ibu Bapa ini dan bersetuju untuk mematuhi.
- Dengan ini saya bersetuju bahawasanya :
 1. Ibu bapa pelajar tidak boleh sama sekali mencampuri urusan pentadbiran Darul Ulum. Sebarang maklumbalas hendaklah di beri kepada pengetua secara bertulis.
 2. Pihak Darul Ulum akan memberi yang terbaik sebagai langkah keselamatan pelajar, tetapi **TIDAK** akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecelakaan mental dan fizikal yang menimpa ke atas pelajar sepanjang berada di dalam atau di luar Darul Ulum.
 3. Sebarang peralatan yang di jumpai pada pelajar (iaitu **barang larangan**) akan di rampas. Terpulang sepenuhnya kepada pentadbiran Darul Ulum untuk melakukan apa yang sepatutnya kepada barangan tersebut. Ibu bapa pelajar tiada hak lagi ke atas barangan tersebut.
 4. Segala barang keperluan , pakaian, peralatan mandi, kitab dan lain-lain adalah tanggungjawab pelajar sendiri dan jika berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan maka bukan di atas tanggungjawab pihak Darul Ulum untuk memberi gantirugi sama ada kehilangan atau kerosakan berlaku sewaktu program madrasah ataupun ketika cuti.
 5. Pihak Darul Ulum akan memaklumkan kepada pelajar dan ibubapa pelajar jika terdapat sebarang pembaharuan ke atas peraturan, takwim dan program.
 6. Makluman akan di sampaikan melalui salah satu dari kaedah berikut iaitu :
 1. Surat rasmi
 2. Panggilan telefon
 3. Aplikasi Whatsapp / Email
 4. Iklan di papan kenyataan Duai (di depan pejabat)
 5. Kemaskini di Buku Panduan Ibu Bapa (boleh dapatkan di Pejabat Duai)

7. Setiap perubahan atau pembaharuan ke atas peraturan , takwim dan program di buat di atas keputusan mesyuarat oleh pihak pentadbiran Duai dengan mengambil kira segala aspek untuk mendapat hasil yang terbaik dan tanpa di pengaruhi oleh mana-mana pihak.
8. Ibu bapa diwajibkan memberi kerjasama penuh.
9. Pihak Darul Ulum mempunyai hak sepenuhnya untuk **menggantung / memberhentikan** pelajar yang di dapati tidak layak secara akademik dan akhlak daripada menyambung pelajarannya di Darul Ulum.

Sekiranya pihak Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi kami sebagaimana berikut:

06-3342921 : Pejabat

012-7729291 : Pejabat H/P – Ustaz Nashrullah

019-7912929 : Ustaz Khairul Budi

011-15262796 : Ustaz Salleh Ibrahim

- Segala urusan telefon dan whatsapp di lakukan di dalam waktu pejabat sahaja
- Waktu pejabat 8.30am-4.30pm
- Pejabat buka Isnin – Ahad
- Hari Khamis pejabat tutup

14 -PERSETUJUAN IBU BAPA

Saya dengan ini bersetuju dengan segala syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam buku panduan ibu bapa

Nama anak : _____

Umur anak : _____

Bapa

ibu

Nama :

No kp:

Tandatangan :

Tarikh :

✂-----

Lampiran pejabat

Saya dengan ini bersetuju dengan segala syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam buku panduan ibu bapa

Nama anak : _____

Umur anak : _____

Bapa

ibu

Nama :

No kp:

Tandatangan :

Tarikh :